

20/05/1999

Jalan Sungai Sering naik taraf

Jamiah Shukri; Ahmad Nazri Mohamad; Mohd Zin Ali
KUALA LUMPUR, Rabu - Jalan Sungai Sering yang menjadi laluan pilihan penduduk Bukit Antarabangsa sekarang, akan dinaikan taraf menjadi laluan kedua menghubungkan Bukit Antarabangsa dengan Jalan Hulu Klang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Exco Negeri pagi ini yang bersetuju meluluskan projek berkenaan.

Menurutnya, kerajaan negeri bersetuju untuk membina jalan pilihan selebar 30.5 meter bernilai RM21.4 juta sebagai laluan pilihan ke Bukit Antarabangsa.

"Kita membuat keputusan untuk melebarkan jalan itu kepada 30.5 meter dan kerja pembinaannya dijalankan serta-merta.

"Kita harap pemaaju perumahan (Bukit Antarabangsa) akan membantu membiayai pembinaan jalan itu. Sekarang ini kita minta Syarikat Ikatan Rapi membina jalan itu," katanya selepas mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat kawasan tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, hari ini.

Syarikat berkenaan akan menjalankan projek menaikkan taraf Jalan Sungai Sering manakala kerajaan negeri akan membantu meluluskan pelan pembinaannya secepat mungkin.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri juga mengemukakan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dirangka oleh Jawatankuasa Teknikal dan Bencana Daerah Gombak untuk mengatasi masalah penduduk Bukit Antarabangsa akibat tanah runtuh itu.

"Saya percaya kajian yang dijalankan itu akan mengawal pembangunan di kawasan itu manakala pembekuan projek kawasan tanah tinggi masih dikuatkuasakan," katanya.

Menurutnya, kerajaan mungkin akan mengkaji cadangan Perdana Menteri supaya mengehendkan ketinggian bangunan yang dibina di kawasan lereng dan atas bukit.

Selain itu, Abu Hassan menasihatkan penduduk Kondominium Puncak Athenaum, Wangsa Heights serta Taman Hillview yang diarahkan berpindah baru-baru ini, bersabar sehingga keputusan diambil untuk membenarkan mereka pulang ke kediaman masing-masing.

Katanya, kerajaan negeri sudah mendapatkan diskaun bayaran penginapan daripada RM75 kepada RM50 bagi mangsa tanah runtuh yang dipindahkan.

(END)